



MAJLIS DAERAH JELEBU
Wisma MDJ,
Jalan Simpang Pertang,
71600 Kuala Klawang,
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tarikh Kemaskini : 12hb Ogos 2021
Tel : 06-6136479
: 06 6136991
Faks : 06-6137515
Laman Web : www.mdjelebu.gov.my

NOTIS PERINGATAN

Adalah dimaklumkan bahawa Negeri Sembilan kini berada di dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) – Fasa Satu yang mulai berkuatkuasa mulai 10hb Ogos 2021.

Justeru itu, walaupun pelan-pelan pembinaan atau permit menjalankan kerja-kerja binaan telah diluluskan oleh Majlis Daerah Jelevu, sebelum memulakan kerja-kerja binaan di tapak, pihak tuan adalah **diwajibkan** untuk mendapat kelulusan beroperasi bagi aktiviti yang dibenarkan dalam Sektor Pembinaan menerusi sistem CIMS MITI. Sistem CIMS MITI boleh diakses di pautan <https://notification.miti.gov.my/register>

Sehubungan dengan itu juga, pihak Majlis ingin mengingatkan bahawa pihak tuan adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan pematuhan kepada SOP dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh MITI, CIDB, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan garis panduan oleh lain-lain agensi penguatkuasaan yang lain.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan akan tertakluk kepada perubahan-perubahan atau arahan semasa daripada pihak Kerajaan yang berkaitan dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang sedang berjalan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT, DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH, MUAFAKAT, SEJAHTERA”

“JELEBU LESTARI, RAKYAT SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHAMMAD ZAINOOR BIN ZAIMUDDIN)

Setiausaha,
Majlis Daerah Jelevu.

Tarikh : 12hb Ogos 2021

AKTIVITI PEMBINAAN YANG DIBENARKAN

TARIKH KEMASKINI: 11 OGOS 2021



Fasa 1

PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 1
TARIKH KUAT KUASA : 10 OGOS 2021

PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – FASA 1
SOP SEKTOR PEMBINAAN
TARIKH KEMASKINI : 9 OGOS 2021

AKTIVITI YANG DIBENARKAN:

1. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal;
2. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam;
3. Kerja-kerja pembinaan yang menyediakan penginapan pekerja yang diluluskan di tapak bina;
4. Kerja-kerja pembinaan yang menempatkan pekerja di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) yang diluluskan;
5. Kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor G1,G2,G3 atau G4;
6. Kerja-kerja pengubahsuaian rumah kediaman perseorangan;
7. Kerja-kerja pembinaan projek Kerajaan (*government funded project*);
8. Kerja-kerja penyiasatan tanah;
9. Perkhidmatan profesional/ perunding yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi;
10. Perkhidmatan dalam rantaian bekalan yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi.

Fasa 2

PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 2
TARIKH KUAT KUASA : 10 OGOS 2021

PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – FASA 2
SOP SEKTOR PEMBINAAN
TARIKH KEMASKINI : 9 OGOS 2021

AKTIVITI YANG DIBENARKAN:

1. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan;
2. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam;
3. Kerja-kerja pembinaan yang mempunyai penginapan pekerja yang diluluskan di tapak bina;
4. Kerja-kerja pembinaan yang menempatkan pekerja di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) yang diluluskan;
5. Kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor G1,G2,G3 atau G4;
6. Kerja-kerja pengubahsuaian rumah kediaman perseorangan/ bangunan;
7. Kerja-kerja pembinaan projek Kerajaan (*government funded project*);
8. Kerja-kerja penyiasatan tanah;
9. Perkhidmatan profesional/ perunding yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi;
10. Perkhidmatan dalam rantaian bekalan yang terlibat bagi kerja-kerja pembinaan yang dibenarkan beroperasi;
11. Kerja-kerja penyediaan tapak seperti ukur tanah, kerja-kerja tanah (*earthworks*), penandaan dan pembersihan tapak;
12. Kerja-kerja pembinaan jalan raya dan lebuhraya

Fasa 3

PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – SOP FASA 3
TARIKH KUAT KUASA : 10 OGOS 2021

PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – FASA 3
SOP SEKTOR PEMBINAAN
TARIKH KEMASKINI : 9 OGOS 2021

SEMUA AKTIVITI PEMBINAAN DIBENARKAN

Fasa 4